

09 JUL 1999

MSC-Sesi

MAHATHIR Pengerusikan Sesi IAP Hari Kedua

CYBERJAYA, 9 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat antara anggota dan wakil Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia bersama para pegawai Malaysia di sini.

Panel itu yang dianggotai beberapa nama terkemuka dalam industri Teknologi Maklumat (IT), berbincang dengan para pegawai kerajaan dan Menteri Kabinet yang berkaitan menilai kemajuan MSC itu.

Sebelum itu mereka melawat Taman Wetland Putrajaya yang menjadi kawasan tadahan air dan juga memainkan peranan utama dalam pengawalan semula jadi pengelodakan, pencemaran dan sistem ekologi tanah lembap di MSC.

Tengah hari ini mereka dijadual mengadakan pertemuan satu dengan satu dengan Perdana Menteri yang juga pengerusi IAP. Sebahagiannya akan meneruskannya esok, hari ketiga dan terakhir perjumpaan ketiga MSC-IAP.

Hari ini juga Dr Mahathir akan merasmikan Universiti Multimedia (MMU), Pameran Web-Shapers, wadah untuk mempamerkan status teknologi syarikat-syarikat MSC dan Pusat NTT MSC.

Universiti itu dijangka mempunyai kira-kira 6,000 pelajar menjelang tahun 2003 yang mengambil pelbagai bidang pengajian multimedia.

Pameran web-shapers pula memaparkan usaha bersama dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara MMU dan syarikat-syarikat seperti IBM, Alcatel, Silicone Graphics, Lotus, NTT, Intel, Ericsson, Siemens dan Lucent Technologies.

Sementara pameran technology oleh syarikat-syarikat yang mendapat taraf MSC pula membolehkan orang ramai mengetahui perkembangan terkini evolusi teknologi multimedia.

Pusat NTT MSC membabitkan Perbadanan Nippon Telegraph and Telephone, kemudahan R&D kedua terbesar di dunia selepas NTT America.

-- BERNAMA

TM LAT